

SPR tiada kuasa ambil tindakan politik wang

BH Khamis 21/6/2007

Pihak ada bukti salah guna kuasa di Machap, Ijok boleh buat laporan: PM



Laporan Jalal Ali Abdul Rahim dan Siti Nur Almizan Aripin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mereka yang mempunyai bukti berlaku penyalahgunaan kuasa dan politik wang pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap dan Ijok lalu boleh membuat laporan polis.

Perdana Menteri berkata, pihak berkenaan juga boleh mengemuka-

kan petisyen pilihan raya di Mahkamah Tinggi dalam tempoh ditetapkan undang-undang bagi membatalkan keputusan pilihan raya itu.

"Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai kuasa mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan kuasa politik wang yang didakwa berlaku dalam pilihan raya kecil itu. Terpulang kepada pihak yang ada bukti membuat laporan polis atau mengemukakan petisyen," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) yang meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada SPR akan mengambil tindakan terhadap aduan penyalahgunaan kuasa politik wang di kedua-dua pilihan raya kecil berkenaan.

Mengenai jumlah perbelanjaan calon pilihan raya berkenaan, Perdana Menteri berkata, perbelanjaan calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil DUN Machap adalah RM89,955 berbanding DAP RM15,876.

Dalam Pilihan raya kecil DUN Ijok pula, calon BN membelanjakan RM100,000 berbanding calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) RM86,300.

Sementara itu, dalam satu lagi jawapan bertulis, Perdana Menteri yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, kerajaan memandang serius kejadian rompakan kargo lori.

Beliau berkata, polis sudah mengandakan usaha membendung masalah itu seperti meningkatkan masa

tindak balas sejurus menerima laporan atau maklumat serta meningkatkan pengumpulan risikan, mengesan dan membanteras individu, kumpulan atau sindiket yang dikenal pasti terbabit.

Katanya, langkah lain ialah pendakwaan di mahkamah dan tindakan mengikut undang-undang pencegahan serta menggunakan pendekatan saintifik dan forensik di tempat kejadian bagi pengumpulan keterangan atau maklumat untuk mengheret penjenayah ke mahkamah.

Perdana Menteri berkata, polis juga sentiasa menasihatkan pengusaha industri pengangkutan memasang alat seperti *Global Positioning System* (GPS) supaya pergerakan lori dapat dikesan.